

Kerajaan kaji bentuk kawalan terhadap tadika

UM 2 3 JAN 2002

Oleh MARZITA ABDULLAH

KUALA LUMPUR 2 2 Jan — Kementerian Pendidikan akan berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi menetapkan peraturan dan kawalan terhadap taman didikan kanak-kanak (tadika) serta tainan asuhan kanak-kanak Islam (taski) di kawasan masing-masing.

Menurut Menteri, Tan Sri Musa Mohamad, inisiatif segera juga akan dilakukan bersama kerajaan negeri bagi menggubal suatu akta untuk menentukan bentuk kawalan terhadap institusi berkenaan.

Menurut beliau, walaupun penyelarasan kurikulum pendidikan agama bukan di bawah bidang kuasa kementeriannya, namun sebarang penyelewengan terhadap pendidikan perlu diberi perhatian serius.

“Apabila sesuatu perkara yang membabitkan pendidikan, ia turut mengheret kementerian untuk

memberi perhatian serius walaupun ia bukan di bawah bidang kuasa kementerian,” katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menyebut mungkin menggubal undang-undang bagi melarang Pas mengendalikan tadika dan

taski yang mendidik kanak-kanak membenci pemimpin dan kerajaan.

Tambah Musa, pada masa ini Kementerian Pendidikan menyelenggara kurikulum tadika yang termaktub di bawah Akta Pendidikan kecuali yang mengkhusus pendidikan agama.

Beliau percaya institusi yang terlibat dalam isu berkenaan adalah terdiri daripada taski dan tadika yang mengajar pendidikan agama.

“Dengan adanya suatu peraturan yang baru maka pengendalian institusi berkenaan dapat dijalankan secara teratur, sekali gus memenuhi matlamat untuk mendidik kanak-kanak dalam bidang agama,” katanya.

Sebelum itu Musa mengadakan pertemuan dengan Timbalan Sheikhul Azhar Universiti Al-Azhar, El-Sheikh Mahmoud Abdel Ghani Mahmoud Ashour dan beberapa ahli rombongannya di pejabatnya di sini hari ini.